

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN KOMPLEKS PERDANASISWA

TEMPAT: UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 10 JAN 1995

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan Bangunan Perdanasiswa. Saya difahamkan bangunan ini akan menjadi pusat berbagai-bagai kegiatan para mahasiswa Universiti Malaya. Mudah-mudahan dengan adanya bangunan yang indah ini yang dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan, para mahasiswa akan lebih aktif lagi menceburi diri dalam aktiviti-aktiviti persatuan.

2. Dengan izin tuan-tuan dan puan-puan, saya ingin menggunakan peluang ini untuk mengulas beberapa perkara penting berkenaan dengan pelajaran, ilmu dan masa depan bangsa dan negara serta kaitannya dengan universiti.

3. Masa depan negara bergantung kepada kualiti mahasiswa hari ini. Para mahasiswa adalah sumber utama tenaga terpelajar untuk pembangunan negara. Saban tahun kita berbelanja berbillion ringgit untuk memastikan negara kita mendapat bekalan tenaga terpelajar yang sesuai dan bermutu daripada semua universiti dan institusi pelajaran tinggi di dalam dan di luar negeri. Tanpa tenaga mahir yang mencukupi dan berkualiti, pembangunan negara kita, khususnya pembangunan ekonomi yang berjalan lancar sekarang ini, akan terencat dan menghadapi banyak kesulitan. Akibatnya negara kita akan hilang daya saingan di dunia perniagaan antarabangsa bahkan dalam semua bidang kegiatan antarabangsa.

4. Sejauh mana tenaga terpelajar itu sesuai dan berkualiti bergantung kepada pelbagai faktor. Antara faktor-faktor ini ialah para mahasiswa mestilah dididik dengan ilmu pengetahuan yang tinggi secara mendalam. Mereka juga mesti memilih kursus-kursus yang ada kaitan dengan pengurusan pembangunan negara dan bidang-bidang kemahiran yang diperlukan untuk maksud ini.

5. Berkenaan dengan kedua-dua faktor ini pihak pengurusan universiti perlu memainkan peranan penting dan bertanggungjawab penuh untuk memastikan kesesuaian kursus-kursus dan pemilihannya di kalangan para mahasiswa. Universiti moden bukan menara gading yang terasing daripada masyarakat. Universiti sekarang hendaklah sedar dan bertanggungjawab terhadap peranannya sebagai penyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

6. Universiti sebagai institusi ilmu seharusnya menjadi tempat pertama yang sensitif dan proaktif kepada perubahan dan kehendak negara dan dunia masa kini. Universiti tidak boleh lagi bersifat konservatif dengan menawarkan pengajaran serta latihan dalam bidang ilmu tradisional dengan kepercayaan bahawa seseorang yang boleh menguasai satu ilmu boleh menguasai sendiri semua ilmu dan kecekapan. Jika demikian sikap universiti, maka mereka akan menjadi dinosor yang mati kerana sudah tidak sesuai dengan iklim yang bertukar dan berubah di sekeliling.

7. Saya juga ingin menyeru kepada para mahasiswa supaya sentiasa berani mengambil bidang pengajian yang relevan walaupun tidak menjadi ilmu yang biasa dikaitkan dengan pelajaran di universiti. Di sini mahasiswa dan universiti perlu sedar dan menerima bahawa di zaman ini ilmu yang meluas dan lengkap tidak boleh dikejar dan dikuasai dalam hanya satu bahasa. Justeru itu penguasaan yang baik sekurang-kurangnya satu bahasa tambahan kepada Bahasa Kebangsaan amatlah penting. Kita harus terima hakikat bahawa kebanyakan ilmu moden tidak diterokai dalam bahasa kita. Justeru itu kita tidak mungkin mengejar ilmu yang terkini jika kita hanya fasih dalam Bahasa Kebangsaan sahaja. Pengalihbahasaan juga tidak mungkin jika kita tidak fasih dalam bahasa asal ilmu yang diperlukan. Kita tidak harus lupa bahawa perkembangan sesuatu bahasa menyusul kemajuan bangsa berkenaan dan tidak sebaliknya. Demikianlah dengan bahasa Latin, Arab dan Inggeris. Walaupun orang Rome sudah tidak ada lagi, bahasa Latin masih dipelajari untuk, antara lain, membentuk perkataan- perkataan baru. Demikian juga dengan Bahasa Arab dan Inggeris, bahasa bangsa yang biasa maju dahulu.

8. Memang tugas utama universiti-universiti di Malaysia ialah menyediakan ilmu yang relevan di pasaran tenaga manusia, khususnya ilmu sains dan teknologi. Tetapi tidak kurang pentingnya juga ialah tugas universiti untuk melahirkan para siswazah yang lengkap daripada segi psikologi dan mentaliti dengan berbudaya yang sesuai dengan pembangunan negara yang pesat serta masalah-masalah sosial yang menyertainya. Manusia yang berilmu tanpa budaya yang mulia adalah merbahaya kepada dirinya dan kepada masyarakatnya. Lihatlah bagaimana teori 'relativity' telah menyebabkan pembunuhan ratusan ribu manusia di Hiroshima dan Nagasaki, sedangkan nuklear sains mampu menyelamatkan nyawa manusia dan meningkatkan kualiti hidup makhluk di dunia. Pisau yang tajam bukan sahaja boleh mengukir ukiran yang menakjubkan, tetapi juga boleh membunuh. Pemilihan gunanya bergantung kepada budaya individu dan bangsanya.

9. Cabaran bagi universiti ialah bagaimana institusi pelajaran dapat menyelit dan menyemai nilai-nilai hidup yang mulia dan budaya yang tinggi semasa menyampaikan ilmu pengetahuan yang sesuai dengan masyarakat yang kian sofistikated dan maju. Mungkin ini dibuat melalui tuntutan ilmu kemanusiaan biasa. Sudah tentu sebahagian daripada mahasiswa perlu melalui jalan ini. Tetapi bagi majoriti,

pengkhususan dalam ilmu kemanusiaan akan memakan masa yang terlalu panjang. Justeru itu kursus ringkas dan tepat berkenaan dengan budaya dan elemen-elemen budaya dan etika manusia yang boleh menyumbang kepada pembentukan peribadi yang mulia perlu dicipta dan disampaikan kepada semua mahasiswa supaya mereka bukan sahaja terpelajar dalam teknologi, sains dan kejuruteraan, tetapi juga tahu menilai baik-buruk penggunaan ilmu mereka.

10. Kerajaan sedar akan minat penuntut-penuntut Melayu dalam bidang agama. Kita memang perlu kepada anggota masyarakat Islam yang mempunyai pengetahuan agama yang mendalam. Tetapi kita juga harus ingat bahawa orang Islam perlu mengimbangkan kepentingan dunia dengan kepentingan akhirat. Hari ini oleh kerana kurangnya pengetahuan dan kecekapan orang Islam dalam berbagai-bagai ilmu dan kemahiran yang penting, mereka menjadi begitu lemah. Untuk mempertahankan diri mereka pun, mereka terpaksa bergantung kepada orang lain, yang kadang-kadang sebenarnya musuh mereka.

11. Oleh kerana lemahnya orang Islam dan negara-negara Islam, kita dapati orang Islam dan negara-negara mereka bukan sahaja dihina tetapi ditindas dengan kejam, diperkosa, disiksa, dibunuh, dihalau dari negeri mereka dan bermacam-macam lagi pencabulan yang tidak dapat disenaraikan. Semua ini tidak akan berlaku jika orang Islam menguasai semua ilmu dan kemahiran yang canggih yang ada pada bangsa-bangsa yang maju hari ini. Semua ini tidak akan berlaku jika orang Islam cekap dan adil dalam mentadbir negara mereka. Semua ini tidak akan berlaku jika mereka benar-benar berpegang kepada ajaran Islam yang menyuruh mereka menuntut ilmu walaupun ke negara China. Apakah yang hendak dipelajari di negeri China di zaman Nabi? Tentulah bukan agama Islam. Tentulah ilmu-ilmu yang lain seperti "The Art of War", seperti pentadbiran negara ala Mandarin, seperti membuat barangan letupan, kertas dan lain-lain lagi. Apakah orang Islam yang menurut desakan ini, yang pergi ke China, kurang Islam daripada yang kuat beramal ibadat dan berada di masjid sepanjang masa? Apakah orang Islam yang mempelajari sains dan kejuruteraan kurang Islam daripada mereka yang mempelajari ilmu-ilmu keagamaan semata-mata?

12. Fikirkanlah. Janganlah jadikan apa yang saya katakan ini sebagai isu politik. Fikirkan tentang betapa berdosa kita apabila saudara seagama kita menderita, kita tidak dapat berbuat apa-apa selain daripada mengutuk orang yang mendera mereka. Fikirkanlah tentang betapa terhinanya agama Islam dan orang Islam apabila kumpulan-kumpulan tertentu antara kita mengganas, membunuh orang yang tidak berdosa semata-mata kerana mereka tidak mampu menjayakan perjuangan mereka dengan cara-cara biasa, dengan rundingan 'from a position of strength' umpamanya.

13. Orang Islam tidak kurang kecerdasan otak mereka atau kecekapan bekerja atau kepintaran berniaga. Tetapi jika semua mereka percaya hanya dengan mempelajari agama secara

khusus barulah mereka akan terima ganjaran bagi diri mereka di akhirat dan dengan itu tidak ada atau tidak ramai yang mempelajari bidang-bidang lain, maka umat Islam akan menjadi semakin mundur dan semakin lemah. Dan dengan tidak adanya petugas-petugas tertentu yang diperlukan untuk kesempurnaan dan keselamatan ummah maka ini bermakna kita tidak menunaikan fardu kifayah. Fikirkanlah akan apa hukumnya ke atas masyarakat Islam yang tidak menunaikan fardu kifayah? Ibadat untuk diri sendiri tidak akan menghapuskan dosa ini.

14. Saya ingin merayu supaya ibu bapa dan penuntut Islam memikirkan tentang perkara ini. Kita tidak mempunyai ramai yang berbakat. Bahagi-bahagikanlah mereka antara jurusan agama dan jurusan-jurusan lain yang tidak kurang pentingnya kepada Islam dan umat Islam. Insya-Allah, jika umat Islam kuat, adil dan disegani, Bosnia dan Chechnya tidak akan berlaku, sepertimana ia tidak berlaku di zaman keagungan Islam.

15. Saya sedar bahawa ini bukanlah majlis agama dan yang hadir bukanlah orang Islam sahaja. Tetapi saya yakin saudara-saudara yang bukan Islam tahu akan pentingnyaimbangan tercapai sekurang-kurangnya dalam negara ini di antara orang Islam dengan bukan Islam dalam semua bidang. Saya percaya orang bukan Islam di Malaysia turut bersedih dengan nasib orang Islam di Bosnia- Herzegovina. Saya tahu mereka turut menderma untuk Bosnia, bahkan ada anggota UNPROFOR Malaysia yang terdiri daripada orang Hindu, penganut Buddha dan Kristian. Kita bernasib baik di Malaysia kerana kita bersimpati dengan nasib semua kaum tanpa mengira agama dan budaya. Tetapi umumnya oleh kerana orang Islam dan negara Islam lemah, mereka dianiaya di seluruh dunia. Justeru itu di Malaysia sekurang-kurangnya kita perlu tentukan orang Islam tidak ketinggalan seperti orang Islam di negara- negara lain. Sebab itulah saya mengambil kesempatan ini untuk bercakap tentang pentingnya penuntut Islam tidak menumpukan hanya kepada pelajaran agama semata-mata. Ramai daripada mereka yang berminat mempelajari agama mampu juga menguasai ilmu-ilmu lain dan mereka harus memilih jurusan-jurusan ini demi kesejahteraan bukan sahaja orang Islam di Malaysia tetapi juga negara kita bersama.

16. Kerajaan berhasrat meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 untuk membolehkan cawangan universiti-universiti luar negara ditubuh di Malaysia. Ini perlu dibuat kerana terlalu ramai rakyat Malaysia menuntut di luar negeri. Dahulu pendedahan mereka kepada budaya asing difikir dapat memperluaskan pandangan mereka dan meningkatkan keyakinan diri. Tetapi hari ini pendedahan ini bukan sahaja tidak perlu tetapi juga tidak menguntungkan. Adalah lebih baik jika penuntut yang pergi ke luar negeri terdiri daripada yang lebih dewasa dan tidak mudah dipengaruhi oleh budaya asing.

17. Lagipun penuntut yang membuat `first degree' di luar negeri mempelajari segala-galanya dalam bahasa asing. Tidak

ada peluang untuk mempelajari apa-apa subjek yang berkaitan dengan Malaysia dan dalam Bahasa Malaysia. Ini adalah oleh kerana kita tidak dapat menggunakan apa-apa syarat kepada institusi di luar negeri.

18. Kerajaan tidak dapat menubuhkan lebih banyak universiti bukan sahaja kerana masalah kewangan, tetapi juga dengan skim gaji Kerajaan yang ada sekarang tidak mungkin universiti Kerajaan mendapat ahli-ahli akademik yang diperlukan. Walau apa pun dibuat, kos universiti Kerajaan tetap lebih tinggi daripada universiti swasta dan yuran pula lebih rendah daripada yang dikenakan oleh swasta. Kerajaan tidak dapat menaikkan skel gaji kakitangan akademik tanpa menyebabkan tuntutan daripada anggota- anggota Kerajaan yang lain secara menyeluruh. Jika pun Kerajaan mampu menaikkan upah secara menyeluruh, ini akan menghilangkan pendapatan lebih bagi kakitangan akademik. Dan ini akan menjadikan gaji mereka tidak lagi menarik.

19. Memandang kepada perkara-perkara yang disebutkan, Kerajaan berpendapat adalah wajar bagi Malaysia membenarkan universiti asing beroperasi di Malaysia. Syarat-syarat yang sesuai dan secocok dengan dasar dan keperluan negara akan dikenakan. Di masa yang sama kedudukan Bahasa Kebangsaan boleh diberi pertimbangan yang wajar.

20. Saya harap dengan penjelasan ini semua pihak faham kenapa kita terpaksa membenarkan universiti asing ditubuhkan di negara ini. Bagi mereka yang tidak mampu membayar yuran universiti swasta, biasiswa boleh diadakan. Yang menjadi masalah di kalangan Bumiputera bukanlah biasiswa, kerana untuk jurusan-jurusan yang penting kita boleh mengadakan biasiswa secukupnya. Yang menjadi masalah ialah kecenderungan untuk memilih jurusan- jurusan yang tidak penting untuk pembangunan negara.

21. Di Malaysia kita mengamalkan dasar 'Malaysia Incorporated' atau Persyarikatan Malaysia. Kerjasama di antara swasta dengan Kerajaan jelas menyumbang kepada pertumbuhan dan kemajuan negara kita dalam semua bidang. Tentulah dalam bidang pengembangan ilmu pengetahuan juga, kita perlu kepada kerjasama yang erat di antara swasta dengan Kerajaan. Saya harap bidang korporat yang biasanya penuh dengan idea dan inisiatif akan mencipta dan melaksanakan berbagai-bagai cara untuk memaksimumkan hasil kerjasama di antara mereka dengan universiti-universiti, baik Kerajaan mahu pun swasta.

22. Kompleks Perdanasiswa ini dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan untuk kegiatan penuntut-penuntut. Antaranya ialah kegiatan kebudayaan dan kesenian. Ada penuntut Islam yang menolak sama sekali budaya bangsa dan kesenian halus. Ini tidaklah wajar kerana Islam menegaskan bahawa manusia dijadikan berbilang bangsa dan kaum supaya mereka dapat berkenal-kenalan dan berbaik-baik. Orang Arab tidak lebih mulia daripada orang lain hanya kerana mereka Arab.

23. Bangsa dan kaum wujud kerana kelainan budaya dan seni. Jika kita menolak budaya dan seni bangsa kita hanya kerana kita ingin serap seni budaya Arab, maka kita sebenarnya menolak ajaran dan hakikat yang diakui oleh Islam. Sementara kita harus membendung keasyikan yang keterlaluan, kita tidak boleh menolak terus seni dan budaya. Hari ini banyak kesenian yang diperkenalkan oleh orang Islam di zaman kegemilangan Islam sudah luput kerana pandangan yang sempit terhadap seni dan budaya. Janganlah kita menolak semuanya kerana ada sedikit yang kita tidak setuju. Lebih-lebih lagi janganlah kita menggunakan kekerasan terhadap kegiatan orang lain untuk memaksa mereka tunduk kepada pendirian kita. Sepertimana kita tidak suka pihak lain menggunakan kekerasan terhadap kita, janganlah kita menggunakan kekerasan terhadap orang lain. Dalam masyarakat kita ada pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan undang-undang negara. Serahkanlah kepada mereka.

24. Saya berharap mahasiswa di universiti ini memikir akan segala perkara yang disentuh dengan minda yang terbuka dan luas. Gunakanlah kemudahan-kemudahan yang disediakan di kompleks ini dengan cara yang baik dan membangun. Janganlah sia-siakan kemudahan ini kerana kesempitan pandangan.

25. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sukacita saya mengumumkan bahawa PETRONAS telah bersetuju untuk menaja satu Kerusi bagi Perubatan Kesukanan dan Pemulihan atau `Chair for Sports Medicine and Rehabilitation' di Universiti Malaya. Dengan wujudnya Kerusi ini adalah diharapkan penuntut-penuntut akan mengambil kesempatan untuk menggunakan kemudahan pengajian dalam lapangan ini dan dengan itu membantu mengembangkan bidang `Sports Medicine dan Rehabilitation' di negara ini.

26. Saya, dengan harapan dan doa ini, merasmikan Bangunan Perdanasiswa ini.